

BAB 1**PENDAHULUAN****1.1 LATAR BELAKANG PERMASALAHAN**

Secara umum, kajian ini dibuat berlandaskan kaitan yang sememangnya terjalin antara unsur-unsur leksikal dan semantik dalam peribahasa Melayu. Peribahasa adalah cabang khazanah bahasa yang terdapat dalam bahasa Melayu yang telah diwarisi sejak dahulu lagi. Memandangkan aspek ini juga penting sebagaimana kajian dalam fonologi dan sintaksis dalam bahasa-bahasa di dunia ini, maka kajian ini akan cuba mengalih pandangan ahli-ahli bahasa untuk turut memikirkan semantik yang terkandung dalam cabang khazanah bahasa ini.

Kajian yang terdahulu banyak menyentuh tentang ayat dan bunyi tetapi bidang yang membicarakan semantik atau permaknaan belum dengan jelas dikaji dengan jayanya. Semantik adalah satu bidang yang abstrak malah amat kompleks untuk dikaji, menurut James D. McCawley (1976) "... the meaning of utterance has a far more complex structure than a sound of an utterance does". Tambahan pula, menurut Dwight Bolinger (1975) "... meaning is used in many ways, not all of them equally relevant to language". F.R. Palmer (1975), menyatakan dalam kajian semantik, permasalahan yang timbul adalah dalam peribahasa (kiasan).

Menurut beliau, '... an idiom is meant a sequence of words whose meaning cannot be predicted from the meanings of the words themselves'.

Pada peringkat permulaan tatabahasa transformasi generatif tidak membincangkan kaitan antara struktur ayat dan makna, bagaimanapun terdapat juga cubaan untuk mengkaji bidang ini dalam struktur dalaman oleh Noam Chomsky pada tahap "syntactic structures" (1957) walaupun tiada pengkhususan yang nyata. Dengan terhasilnya buku "The Structure of Semantic Theory" oleh Katz & Fodor (1963) bidang semantik telah dianggap satu komponen yang penting berkaitan dengan binaan ayat yang dihasilkan. Hasil daripada sambutan, kritikan yang membina serta perkembangan yang seterusnya, Noam Chomsky (1965) telah menghasilkan sebuah buku yang bertajuk " Aspects of The Theory of Syntax ". Selain membincangkan perkara pokok yang asal, pindaan dan perubahan juga dilakukan untuk menyesuaikannya dengan perkembangan terbaru iaitu bidang semantik. Menurut Jackendoff (1972), "... meanings are to be expressed in universal semantic representation, just as sound are expressed in universal phonetic representation". Ini kerana representasi semantik mempunyai kesepadan yang kukuh dalam sistem kognitif manusia. Buah fikiran Katz & Fodor (1963) dan Katz & Postal (1964) telah menyemarakkan kajian yang membincangkan bidang semantik. Bidang baru ini mendapat sambutan sehingga terlalu banyak kajian yang dilakukan oleh sarjana-sarjana bahasa untuk

menghuraikan semantik yang dikaitkan dengan bidang sintaksis dan fonologi khususnya mereka yang menganuti aliran transformasi generatif.

Perkembangan aliran kajian terbaru ini bukan sahaja pesat dilakukan di negara-negara barat malah perkembangan ini juga turut dirasai oleh sarjana-sarjana bahasa yang telah melakukan kajian untuk syarat mendapatkan ijazah doktor falsafah (Ph.D). Sekadar mencatatkan beberapa nama, Irene Foong- Heng Wong (1970), A. Gonzales (1971), Nik Safiah Karim (1975), Mashudi Haji Kader (1976), dan Halimah Wok Awang (1981). Kajian yang dilakukan ini merangkumi bidang bahasa yang menyentuh aspek ayat, bunyi dan semantik berdasarkan aliran transformasi, manakala Ton Ibrahim (1972), mengkaji kata kerja dalam dialek Kedah dengan menggunakan analisis komponen. Sementara yang terkini adalah latihan ilmiah oleh Jainah Haji Nasir (1994) yang menyentuh semantik leksikal dalam kata pinjaman Arab.

Peribahasa merupakan cabang khazanah bahasa yang diwarisi secara turun-temurun tetapi malangnya generasi masa kini kian melupai dan tidak sedar akan fungsi cabang khazanah bahasa ini. Sehingga kajian ini dimulakan, buku-buku terkini yang membincang dan menyenaraikan peribahasa cuma buku cetakan semula daripada C.C Brown (1989) dan Abdullah Hussain (1991). Sementara yang selebihnya adalah buku-buku lama yang masih mengekalkan ejaan lama untuk penampilannya, antaranya Hose

(1933), R.O. Winstedt (1950), Pamuntjak (1961), Za'ba (1965) dan lain-lain lagi.

Dan semasa kajian ini dilakukan, buku terkini yang menyenaraikan himpunan peribahasa ialah Mohd. Adnan Mohd. Ariffin (1992) serta Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (1993) telah diterbitkan. Koleksi peribahasa ini adalah kamus terkini yang masing-masingnya memuatkan 2249 dan 18 742 bentuk peribahasa.

1.2 TUJUAN KAJIAN

Bertitik tolak daripada latar belakang pemasalahan, kajian ini bertujuan melanjutkan kajian dalam bidang semantik dengan memfokus kepada leksikal kata nama dalam peribahasa Melayu.

Kajian semantik leksikal ini akan mengupas penggunaan leksikal kata nama dan kolokasinya (kedudukan /posisi) dalam peribahasa Melayu yang berperanan untuk menggambarkan sesuatu perkara atau keadaan. Kajian ini akan memaparkan kebijaksanaan masyarakat Melayu lalu dalam mencetuskan buah fikiran dan pandangan mereka melalui pemilihan kata-kata yang tertentu untuk mendukungi permaknaan yang tepat lagi jitu.

Gambaran sesuatu perkara atau keadaan yang didukungi oleh leksikal kata nama dan kolokasinya akan dianalisis untuk menentukan sama ada wujud perhubungan antaranya dalam hubungan dalam perkaitan makna yang dipecahkan kepada rangkuman, tumpang tiadah, saling melengkapi dan kontiguiti. Gambaran sesuatu perkara atau keadaan ini akan dikelompokkan dalam kategori yang tertentu supaya hubungan dalam perkaitan makna dapat dilihat.

Selain itu, kajian ini juga akan meneliti perubahan golongan kata semantik leksikal apabila sesuatu permaknaan itu dikonotasikan kepada gambaran sesuatu perkara atau keadaan.

Apa yang diharapkan, kajian ini bukan sahaja berfungsi sebagai kajian pengayaan tetapi yang penting sekali ia berguna dalam menyuburkan pengetahuan tentang peribahasa yang kian luput daripada minda generasi kini khususnya dalam aspek semantik.

1.3 HIPOTESIS

Peribahasa merupakan wahana bahasa yang digunakan oleh masyarakat dahulu untuk menyampaikan sesuatu maksud dengan menggunakan bahasa yang 'berlapik'. Sesuai dengan peranannya 'berlapik', penggunaannya

diharapkan dapat diterima dengan hati yang terbuka tanpa menyenggung perasaan sesiapa yang dituju.

Kebijaksaan maksud yang tersirat dalam peribahasa sememangnya telah diakui, menurut Koh Boh Boon (1992), "... ketepatan penggunaan kiasan itu untuk melahirkan maksud sama ada tersurat atau tersirat yang hendak disampaikan oleh pengguna peribahasa itu dalam satu keadaan atau konteks tertentu". Dengan menggunakan susunan perkataan yang menampilkan ciri-ciri yang indah, peribahasa telah menarik minat orang-orang barat untuk mengkaji malah membuat koleksi peribahasa seterusnya mencetaknya untuk dijadikan panduan kepada orang lain memahami maksud yang tersirat. Koleksi terdahulu ialah hasil kutipan Hose (1933), R.O. Winstedt (1950), Za'ba (1965) dan banyak lagi. Semantik atau permaknaan yang telah 'tertentu' tidak boleh diubah atau diberi makna yang baru, sebagaimana yang dijelaskan oleh Abdul Hamid Mahmood (1992), Bahasa Melayu telah menentukan juga aturan tentang hubungan antara lambang bunyi atau tulisan dengan makna. Makna yang ditentukan itu tegas dan tidak boleh diberikan makna lain tanpa persetujuan daripada masyarakat pengguna bahasa Melayu'.

Kajian ini bertolak daripada hipotesis bahawa peribahasa Melayu mempunyai peranan yang cukup besar dalam menyampaikan sesuatu maksud dengan mengambil unsur-unsur alam sekeliling manusia. Menurut Tham Seong

Chee (1977), 'In the case of Malay language organization of cognitive system is reflected in eco-cultural system whereby patterns of behaviour observed of elements (animal, vegetable, living and non-living) in the eco-cultural system are used to exemplify human social behaviour'. Khalid M.Husain (1979), pula menyatakan '... puisi lama ini timbul dari usaha orang-orang tua, untuk menyesuaikan ungkapan-ungkapan yang dikemukakan mereka dalam alam sekeliling mereka seperti tumbuh-tumbuhan, binatang-binatang, bunga, buah-buahan...'. Dan menurut Khalid M. Husain (1979) lagi, 'Penduduk di sekitar Nusantara tetap mempertahankan sopan santun dan mempunyai cara yang tertentu untuk mencurahkan perasaan, maksud, nasihat dengan cara yang tidak langsung. Hal yang seperti ini merupakan ungkapan secara umum , tetapi mempunyai kiasan dan suggestie yang dalam secara simbolis. Pernyataan secara umum ini mempunyai kekuatan nasihat dan pertahanan yang membuat orang itu berfikir, kerana kalau disampaikan secara langsung, itu kelak akan dianggap tidak sopan'.

Pendapat ini dengan jelas memperakui peranan peribahasa Melayu di kalangan masyarakat lalu dan hari ini. Diksi kata yang sesuai disokong oleh ciri-ciri estetik bahasa, memungkinkan peribahasa ini kekal diwarisi daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain, sebagai salah satu lambang kekayaan bahasa.

Awang Sariyan (1992) dalam prakata Siri Koleksi Warisan Tikaman Bahasa, menyatakan ' peribahasa dalam sesuatu bahasa mempunyai peranan istimewa, bukan sekadar memperkaya khazanah bahasa, bahkan lebih penting daripada itu memancarkan pandangan hidup, nilai, sikap, cara berfikir dan kepekaan akal budi masyarakat pengguna bahasa itu'.

1.4 RUANG LINGKUP DAN KAEDAH KAJIAN

Sebagai kajian awal penyelidik, kajian ini akan meneliti seterusnya menggarap bentuk peribahasa Melayu dengan fokus utamanya kepada semantik leksikal dalam peribahasa Melayu. Untuk pembatasan kajian, peribahasa yang diambil sebagai data adalah daripada Kamus Istimewa Peribahasa oleh Abdullah Hussain (1991).

Unsur semantik yang terkandung dalam peribahasa Melayu adalah satu unsur kekayaan bahasa yang menggambarkan kebijaksaan penggunaannya. Ini kerana maksud yang tersirat dapat berfungsi sebagai pembawa maklumat yang tepat. Aripin Said (1992), berpendapat 'Penelitian terhadap perbendaharaan peribahasa Melayu menunjukkan bahawa memang keseluruhan peribahasa yang ada membijaksanakan pemikiran'.

Diksi kata dalam peribahasa akan dikaji daripada sudut semantiknya (permaknaannya). Komponen semantik dipilih berdasarkan bahawa komponen ini

merupakan satu komponen yang luas cakupannya dan menurut Odgen dan Richards (1936), terdapat tidak kurang 16 pelbagai definisi mengenai makna dan malah terdapat 23 pecahan seandainya diperincikan ciri sesuatu makna itu. Manakala, Geoffrey Leech (1972) dalam bukunya yang bertajuk Semantics, permaknaan dapat dipecahkan kepada 7 pecahan yang pelbagai. Keadaan ini memungkinkan Stephen Ullman (1972) menyatakan '... meaning is one of the most ambiguous and most controversial term in the theory of language.' Selain itu, komponen ini juga merupakan faktor penting makna sesuatu kata dan hubungan antara konstituen ayat untuk membentuk makna yang sempurna lagi gramatis.

Menurut Tarigan (1985), 'Semantik adalah kajian makna yang mengkaji lambang atau tanda-tanda yang menerangkan makna, hubungan makna antara satu perkataan dengan yang lain dan pengaruhnya terhadap manusia dan masyarakat, oleh itu, semantik meliputi makna-makna, perkembangan dan perubahan'.

Pernyataan tersebut, memungkinkan pengkaji meneliti leksikal kata nama dan kolakasinya dalam peribahasa Melayu yang berperanan mendukung satu dan lebih permaknaan konotatif. Penelitian terhadap komponen ini dalam peribahasa Melayu, bukanlah perkara yang mudah, kerana pengkaji perlu benar-benar memahami permaknaan konotatif yang didukungi oleh

sesuatu leksikal dan memberi makna yang setepat mungkin sekiranya permaknaan yang diberikan 'kabur'.

Leksikal yang dipilih untuk menjadi wadah penyampai makna dalam peribahasa Melayu diambil daripada alam sekeliling dan berperanan membawa permaknaan yang tertentu dan dengan imaginasi yang tinggi sahaja seseorang dapat memahami fungsi leksikal tersebut. Menurut Tham Seong Chee (1977), 'To get an appreciation of these peribahasa in term of their nuances of meaning, subtlety, effectiveness and relevance, one obviously needs to have a good sense of imagination'.

Kajian ini akan menggunakan kaedah analisis komponen dalam menganalisis leksikal-leksikal kata nama. Analisis komponen ini adalah satu kaedah analisis yang menyenaraikan kesemua makna leksikal berkenaan yang dilihat dalam satu jumlah unsur yang berbeza atau komponen-komponen makna (F.R. Palmer, 1985).

1.5 BAHAN KAJIAN

Peribahasa yang digunakan dalam kajian ini diambil atau dikutip daripada Kamus Istimewa Peribahasa Melayu oleh Abdullah Hussain (1991).

Kamus ini dipilih sebagai bahan kajian berdasarkan satu hakikat bahawa kamus ini merupakan kamus terkini semasa kajian ini bermula. Kamus yang digunakan ini merupakan kamus cetakan kedua (1991) terbitan Dewan Bahasa Dan Pustaka. Menurut prakata (edisi pertama) oleh Haji Sujak Rahiman, Ketua Pengarah Dewan Bahasa Dan Pustaka ketika itu, telah memetik pendapat Asmah Haji Omar berhubung kamus ini, yang menyatakan '... adalah kamus peribahasa yang lebih lengkap daripada kamus-kamus peribahasa lain yang terdapat dalam bahasa Melayu dan Indonesia'.

Kamus yang telah diperakui lengkap ini juga, dipermudahkan kegunaannya dengan disusun mengikut abjad dan disediakan indeks (penunjuk) di bahagian belakangnya untuk kemudahan mengesan sesuatu peribahasa, yang mungkin hanya sebahagian sahaja diingati atau mungkin juga hanya satu perkataan sahaja yang diingati. Menurut Haji Sujak Rahiman lagi dalam prakatanya, ciri-ciri ini hanya satu-satunya dimiliki oleh Kamus seumpama ini baik di Malaysia mahupun di Indonesia.

1.6 KAE DAH PENGUTIPAN DATA

Kutipan data peribahasa dibuat secara bebas atau umum tanpa memecahkan ia kepada pembahagian yang dibuat oleh sarjana-sarjana bahasa, misalnya Za'ba (1965), yang telah memecahkan peribahasa kepada empat kategori iaitu bidalan, pepatah, perumpamaan dan perbilangan. Kaedah ini

digunakan memandangkan antara keempat-empat pecahan itu tiada garis pemisah yang nyata. Adakalanya, keempat-empatnya saling bertindan maksud atau makna. Menurut Tan Chin Kwang (1981), '... there is no general agreement and as one category so frequently overlaps another the distinctions made serve no useful'.

Data yang dikutip merupakan leksikal kata nama yang tidak menerima sebarang bentuk imbuhan atau penambahan. Leksikal kata nama ini terdiri daripada leksikal:

1. kata nama bahagian tumbuh-tumbuhan.
2. kata nama jenis tumbuhan dan bahagian-bahagiannya
3. kata nama haiwan
4. kata nama bahagian tubuh haiwan

Bagi memastikan setiap leksikal kata nama tersebut berperanan membawa pelbagai permaknaan konotatif, data yang dipilih adalah data yang mempunyai sekurang-kurangnya 2 bentuk peribahasa.

Data dikutip berdasarkan pengumpulan isi kesemua peribahasa dalam bahan kajian atau daripada 4359 data yang terkandung di dalamnya. Setiap data akan dianalisis mengikut susunan sebagaimana dalam Lampiran 1. Kod-kod yang diberikan di hujung setiap permaknaan konotatif adalah

menurut susunan data. Lampiran 2 adalah ringkasan kesemua permaknaan konotatif dalam bab-bab analisis.

1.7 TAKRIF ISTILAH

1.7.1 Peribahasa

Menurut Za'ba (1965), peribahasa bermaksud ' segala susunan cakap yang pendek yang telah melekat di mulut orang ramai semenjak beberapa lama sebab sedap dan bijak perkataannya, luas dan benar tujuannya...'.

Ghazali Dunia (1969) pula mendefinisikan peribahasa sebagai bentuk pengucapan yang banyak dijumpai dalam kesusastraan lama, sebagai wakil cara berfikir bangsa kita pada zaman lama itu.

Sementara Kamus Dewan (1989), peribahasa bermaksud 'ayat atau kelompok kata yang mempunyai susunan yang tetap dan mengandungi pengertian yang tertentu.'

Oleh itu, dapat disimpulkan di sini, peribahasa ialah satu bentuk ungkapan yang istimewa dengan susunan klausa dan ayat yang telah tetap dan membawa maksud yang khusus lagi menyeluruh.

1.7.2 Leksikal Kata Nama

Menurut Kamus Dewan (1989), leksikal bermaksud 'yang berkaitan dengan perkataan-perkataan atau perbendaharaan kata. Sementara kata nama , menurut Tatabahasa Dewan Jilid 2 (1986), ialah sejumlah perkataan yang boleh menjadi unsur inti bagi binaan frasa nama, dan lazimnya perkataan demikian menamakan orang, tempat, benda atau konsep. Manakala Arbak Othman (1989). mentafsirkannya sebagai perkataan yang digunakan untuk menyebut sesuatu benda, orang, tempat dan konsep-konsep, baik yang bernyawa atau tidak, boleh dilihat ataupun tidak boleh dilihat serta yang bersifat maujud (konkrit) atau mujarad (abstrak) termasuk nama terbitan.

Oleh itu, secara umumnya leksikal kata nama ialah perbendaharaan kata atau perkataan yang merujuk kepada orang, benda, tempat dan konsep secara amnya. Juga termasuk dalam leksikal kata nama ialah kata nama terbitan.

1.7.3 Kolokasi

Harimurti Kridalaksana (1983), mentafsirkan kolokasi sebagai kemungkinan ada beberapa kata dalam lingkungan yang sama; misalnya garam, gula, lada, bumbu, sayur, daging, ikan; berkolokasi dalam membicarakan tentang dapur. Atau ringkasnya kolokasi adalah asosiasi yang tetap antara kata dengan kata-kata tertentu.

Ruth Gairns dan Stuart Redman (1986), menyatakan kolokasi sebagai '...when two item co-occur, or are together frequently ...'.

Kamus Dewan (1989), mendefinisikan kolokasi sebagai hubungan kedudukan atau kewujudan antara satu perkataan dengan yang lain dalam satu susunan (misalnya ayat).

Natijahnya kolokasi merujuk kepada hubungan sesuatu kata dengan kata lain dalam lingkungan tertentu.

1.7.4 Permaknaan Denotatif

D.A. Wilkins (1972), mendefinisikan permaknaan denotatif sebagai '... relationship between words and concrete objects and activities in physical world. It appears that we recognize classes of objects and that for each there is an appropriate word which we may use to refer to one or more members of that class or, indeed, to the class as a whole'.

Menurut Drs. Soedjito (1990) pula, permaknaan denotatif (referensial) ialah makna yang menunjukkan langsung pada acuan atau makna dasarnya. Ringkasnya, makna denotatif ialah makna yang diberikan oleh sesebuah kamus.

Permaknaan denotatif juga dikenali dengan nama permaknaan kognitif dan permaknaan konseptual.

Permaknaan denotatif bagi setiap leksikal kata nama dalam kajian ini adalah akan berdasarkan Kamus Dewan (1989) terbitan Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Kesimpulannya, makna denotatif ialah satu permaknaan yang merujuk kepada sesuatu objek tanpa melibatkan makna yang sengaja ditambah atau mengandungi maksud tersirat yang ditambah oleh penutur sesuatu bahasa.

1.7.5 Permaknaan Konotatif

Permaknaan konotatif (evaluasi / emotif) ialah makna tambahan terhadap makna dasarnya yang berupa nilai rasa atau gambaran sesuatu (Drs. Soedjito, 1990).

Kesimpulannya, permaknaan konotatif ialah makna tersirat atau makna tambahan yang ditambah oleh penutur sesuatu bahasa.

1.7.6 Superordinat

Menurut Drs. Aminuddin (1985), superordinat ialah kata yang memayungi sejumlah kata yang memiliki hubungan atau kemiripan ciri referen.

Sementara Abdullah Hassan (1988), mengatakan superordinat sebagai sesuatu kata itu mempunyai linkungan atau pemerengkatannya dalam struktur makna.

Nama lain bagi superordinat ialah hiponimi. Bagaimanapun dalam kajian ini, istilah yang digunakan ialah superordinat.

Contohnya: Kategori bunga adalah superordinat kepada sub-subkategorinya yang terdiri daripada jenis-jenis bunga seperti mawar, kehwa, dahlia dan sebagainya.

1.7.7 Subordinat

Subordinat ialah sejumlah kata yang memiliki hubungan atau kemiripan ciri referen (Drs. Aminuddin, 1985).

Frank Parker (1986) dipetik oleh Raja Rahawani Raja Mamat dalam buku yang telah diterjemahkan, Linguistik Untuk Bukan Ahli Linguistik, mentakrifkan '... hiponim ialah suatu perkataan yang maknanya terkandung di dalam seluruh maksud satu perkataan yang lain,...'.

Nama lain bagi subordinat ialah hiponim. Bagaimanapun, bagi kajian ini istilah yang digunakan ialah subordinat.

Contoh: Subkategori jenis-jenis bunga, mawar, kehwa, dahlia dan sebagainya ialah subordinat kepada kategori bunga. Sementara hubungan antara jenis bunga mawar, kehwa, dahlia dan sebagainya dikenali dengan istilah kohiponim.

1.7.8 Sinonim

F.R. Palmer (1972), mendefinisikan sinonim sebagai '... is used to mean 'sameness of meaning'. Menurutnya lagi tidak wujud sinonim yang mutlak (seratus peratus sama). Pernyataan ini bermaksud tidak ada dua kata yang mempunyai erti yang benar-benar sama.

Sementara, menurut George Yule (1985), sinonim ialah '... two or more forms, with closely related meanings, which are often, but not always, intersubstitutable in sentences'.

Contoh:

cuci - basuh

lihat - tengok

pukul - sebat

1.7.9 Antonim

A dictionary of linguistic and phonetic (1985), menyatakan antonim sebagai '... a term used in semantics as part of the study of oppositeness of meaning'.

Antonim ialah kata-kata yang berlawanan makna (Drs. Soedtijo, 1990).

Contoh:

besar - kecil

hitam - putih

lelaki - perempuan

1.7.10 Kata Kerja

Tatabahasa Dewan (1986), mendefinisikan kata kerja sebagai bentuk perkataan yang menunjukkan sesuatu perbuatan atau keadaan melakukan sesuatu.

Manakala Arbak Othman (1988), mengatakan kata kerja ialah unsur utama predikat dalam ayat yang mengatakan kejadian, perbuatan dan keadaan.

Ringkasnya kata kerja ialah kata yang merujuk kepada sesuatu perbuatan yang memperlihatkan sesuatu gerak.

1.7.11 Kata Adjektif

Kata adjektif atau kata yang dikenali juga sebagai kata sifat ialah kata yang menunjukkan keadaan atau rupa sesuatu nama sama ada benda, orang, kejadian dan sebagainya. Dalam ayat kata adjektif berfungsi sebagai inti predikat atau predikat tunggal itu sendiri (Arbak Othman, 1989).

1.7.12 Ciri Makna Khusus

Menurut Kamus Dewan (1989) kata khusus bermaksud khas, istimewa (untuk seseorang atau sesuatu). Sehubungan itu, ciri makna khusus dapat ditakrifkan sebagai ciri-ciri (unsur-unsur) makna khas bagi sesuatu kata.

Rumusannya, ciri makna khusus ialah satu sifat makna yang menjadi identiti sesuatu kata.